

29 AUG 2003

Samy Vellu-Merdeka

GUNAKAN PERAYAAN HARI KEBANGSAAN MEMPERINGATI DR MAHATHIR, KATA SAMY VELLU

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Rakyat Malaysia daripada semua peringkat yang menyambut Hari Kebangsaan ke-46 digesa memperingati perayaan Hari Kemerdekaan ini kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

President MIC dan juga Menteri Kerjaraya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, Perdana Menteri, yang telah memegang jawatan ini sepanjang 22 tahun lepas, telah bekerja keras dan memajukan negara ini sepanjang tempoh itu.

"Kita bukan sahaja sebagai rakyat Malaysia yang telah mengambil masanya tetapi juga tenaganya. Adalah lebih baik memperingati Dr Mahathir. Kita juga mengucapkan terima kasih kepada beliau di atas apa yang telah dibuat untuk negara ini," kata beliau pada Perutusan Hari Kemerdekaan selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat di sini hari ini.

Dr Mahathir yang akan meletakkan jawatannya sebagai pemimpin utama negara ini selama 22 tahun, Oktober ini akan digantikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Samy Vellu juga berkata rakyat Malaysia mestilah merenong pemimpin yang telah berjuang menuntut kemerdekaan kerana mereka berkorban untuk negara ini pada masa itu.

"Kita juga mestilah mempertahankan kemerdekaan. Kita hendaklah mengatasi halangan sama ada dari dalam dan luar negara di masa akan datang", kata beliau.

Samy Vellu berkata rakyat Malaysia juga perlu bekerja keras untuk negara ini dalam usaha mencapai status negara maju pada 2020 dan ini merupakan hadiah paling berharga kepada Dr Mahathir, kata beliau.

-- BERNAMA

SR RV BK